

13/05/2004

Dr M minta syarikat lain tiru Emkay

By Wan Jailani Razak

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan usaha Kumpulan Syarikat Emkay (Emkay) mengadakan program latihan golf di peringkat usia muda sebagai langkah bijak dalam usaha melahirkan jaguh dalam sukan itu.

Malah, beliau berharap lebih banyak syarikat lain mencontohi usaha Emkay yang menganjurkannya secara percuma dengan menekankan pembabitan golongan kanak-kanak, penduduk luar bandar dan kurang berkemampuan.

"Di negara lain, kita lihat mereka melatih ahli sukan daripada kecil sebab itu mereka dapat mengadakan jaguh tetapi kita dah tua, otot sudah keras baru nak belajar. (Sebab itu) kita tidak boleh menang.

"Ini (Program Kecemerlangan Sukan Remaja Emkay) satu usaha yang baiklah, kita mula daripada awal. Saya harap syarikat lain buat begitulah. Nak tunggu kerajaan mana boleh...", katanya ketika ditanya pandangannya mengenai program anjuran Emkay itu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan sijil tamat latihan kepada 28 peserta Program Kecemerlangan Sukan Remaja Emkay di Taman Sungai Kuala Melaka (TKSM), di sini, petang semalam.

Hadir sama isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi Eksekutif Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar dan isteri, Puan Sri Wan Nong Wan Ibrahim; Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib; Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi, Datuk Anwar Abdul Rahman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ayer Hangat, Datuk Md Hasan Bulat.

Program itu adalah yang kedua dianjurkan Emkay menerusi anak syarikatnya, MK Land Holding Bhd (MK Land) selepas kejayaan program sama di Taiping sejak lebih tiga tahun lalu.

Sepanjang program berkenaan, peserta menjalani latihan tiga hari seminggu, selama tiga bulan berkaitan kemahiran asas memukul bola, peraturan dan undang-undang permainan golf dan tenis.

Melalui program itu murid terbabit bukan saja dilatih bermain golf dan tenis secara percuma malah turut berpeluang meningkatkan pencapaian akademik melalui pemantauan berterusan oleh pengurusan MK Land.

Bagi memastikan peserta turut cemerlang dalam pendidikan, mereka diwajibkan mengemukakan laporan prestasi akademik dan bagi yang dilihat lemah dalam mata pelajaran tertentu, kelas tambahan akan diberikan.

Program pertama cetusan idea Mustapha Kamal itu dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein pada 23 Mac 2001. Seramai 345 pelajar mengikuti program itu sejak dilancarkan, merangkumi latihan renang, tenis dan golf.

Program di Langkawi dibiaya sepenuhnya oleh Emkay dengan anggaran peruntukan RM100,000 termasuk peralatan sukan, tenaga pengajar profesional dan sumbangan penyertaan dalam sirkit remaja.

Emkay membelanjakan kira-kira RM300,000 untuk membangunkan kemudahan di TSKM termasuk membina lapang sasaran golf, kedai peralatan golf dan restoran.

(END)